



مَجْلِسُ اِئِمَّةِ اِسْلَامِ سِلَانْغُورِ  
**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**  
TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,  
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.  
TEL : 03-5514 3400 FAX : 03-5512 4042  
Laman Web : www.mais.gov.my E-mail : mail@mais.gov.my



Rujukan Kami :

MAIS.100-1/1/11 (20)

Tarikh :

9 Mei 2022  
7 Syawal 1443

السلام عليكم

**YBhg. Dr. Muhammad Ayman Al-Akiti**  
Pembantu Professor  
Kulliyah Ilmu Terbongkar Islam dan Ilmu Manusia  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
PO Box 10  
**50728 Kuala Lumpur**

YBhg. Dr.,

**JEMPUTAN SEBAGAI PEMBENTANG BAGI PERBINCANGAN MEJA BULAT: KEPERLUAN MENGADAKAN PERUNTUKAN DALAM UNDANG-UNDANG TUBUH NEGERI YANG MENJELASKAN KEDUDUKAN FAHAMAN / AJARAN AHLI SUNAH WAL JAMAAH SEBAGAI AGAMA ISLAM YANG DIAMALKAN DAN DIANUTI DALAM NEGERI SELANGOR**

Semoga surat ini menemui pihak YBhg. Dr. dalam kerahmatan dan perlindungan Allah SWT. Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa pihak YBhg. Dr. dijemput sebagai pembentang Perbincangan Meja Bulat: Keperluan Mengadakan Peruntukan Dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Yang Menjelaskan Kedudukan Fahaman / Ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah Sebagai Agama Islam Yang Diamalkan dan Dianuti Dalam Negeri Selangor (selepas ini dirujuk sebagai "perbincangan tersebut") yang akan diadakan sebagaimana ketetapan berikut:-

**Tarikh / Hari : 25 Mei 2022 (Rabu)**

**Tajuk Pembentangan : Ahli Sunah Waljamaah: Sejarah Kemunculan dan Kedudukannya Dalam Islam.**

**Masa Pembentangan : 11.15 pagi – 12.15 tengah hari**

**Tempat : Ballroom 2, Hotel De Palma Shah Alam**

3. Untuk makluman pihak YBhg. Dr., perbincangan tersebut adalah bertujuan bagi mendapatkan input dan pandangan berhubung keperluan mengadakan peruntukan dalam undang-undang tubuh negeri yang menjelaskan kedudukan fahaman / ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah sebagai agama Islam yang diamalkan dan dianuti dalam Negeri Selangor.

4. Bersama-sama ini disertakan penerangan berhubung tajuk-tajuk kertas pembentangan dan atur cara perbincangan tersebut untuk perhatian dan rujukan pihak YBhg. Dr. bagi tujuan persediaan awal pembentangan kertas yang berkaitan.
5. Sebagai pembentang dalam perbincangan tersebut, YBhg. Dr. dipohon untuk menyediakan slide pembentangan dan apa-apa bahan pembentangan yang berkaitan kepada urus setia melalui e-mel [haziqs@mais.gov.my](mailto:haziqs@mais.gov.my) selewat-lewatnya **17 Mei 2021 (Selasa)**.
6. Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, pihak S.S. Dato' Dr. boleh menghubungi **Encik Muhammad Haziq** di talian **03-5514 3400** (sambungan **2186**).

Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dr. berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, والسلام

**“MENGHARAP KEREDHAAN ALLAH”**  
**“AMANAH, PRIHATIN DAN MESRA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NORLAILI BINTI MOHAMAD)**

Pemangku Penasihat Undang-Undang  
b.p Setiausaha  
Majlis Agama Islam Selangor